

Wang dan Pertumbuhan Ekonomi: Penilaian Semula Peranan Wang Menurut Pandangan Imam Al-Ghazali

Money and Economic Growth: Reevaluation of the Role of Money in Imam Al-Ghazali's View

Mohd Faiz Mohamed Yusof
Universiti Kebangsaan Malaysia
mrfazyusof@gmail.com

Mohd Adib Ismail
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia.
mohadis2008@gmail.com

ABSTRAK

Wang memainkan peranan yang penting ke arah membantu dalam menggerakkan ekonomi negara dan seterusnya memangkinkan ke arah pertumbuhan ekonomi. Secara umumnya, permasalahan yang timbul daripada sistem barter akhirnya telah membawa kepada evolusi penggunaan wang. Dalam sistem ekonomi, terdapat dua pandangan utama berkaitan dengan peranan wang iaitu menurut sistem ekonomi konvensional dan yang kedua adalah terhasil daripada pemikir ekonomi Islam. Peranan wang di dalam Islam secara umumnya diperkenalkan ke arah untuk mencapai al-Falah dan inilah yang menjadi perbezaan utama di antara teori pemikir konvensional dan Islam. Dalam sistem ekonomi Islam, terdapat seorang tokoh pemikir yang terkemuka iaitu Imam al-Ghazali (1055-1111) yang telah mengemukakan beberapa idea berkaitan dengan kewangan seperti teori evolusi wang, fungsi wang, larangan dalam *money hoarding*, masalah matawang bercampur dan peranan kerajaan dalam kewangan. Tambahan pula, penggunaan matawang pada masakini sering menimbulkan pelbagai situasi ekonomi yang tidak sihat seperti peningkatan kadar inflasi, masalah spekulasi matawang, penimbunan kekayaan dan pelbagai lagi. Justeru, kajian ini akan menjelaskan perbandingan di antara peranan wang yang digunakan pada hari ini dan peranan wang yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali. Walaupun terdapat perbezaan tempoh masa yang agak lama, namun hasil kewujudan peranan wang pada hari ini dikatakan mempunyai kesinambungan terhadap pandangan Imam al-Ghazali. Kajian ini akan menganalisis sejauh mana peranan wang yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dapat diaplikasikan untuk menambah baik lagi peranan wang dalam sistem ekonomi dan seterusnya digunakan untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan ekonomi yang melanda pada masa kini.

Kata Kunci: peranan wang, Imam Al-Ghazali

ABSTRACT

Money plays an important role to assist in moving the country's economy and thus the economic growth. In general, the problems that arise from the barter system eventually led to the evolution of the use of money. In the economic system, there are two main views relating to the role of money in accordance with the conventional economic system and the second is derived by Islamic economic thinkers. The role of money in Islam is generally introduced to achieve al-Falah, and this is a major difference between the conventional and Islamic theory. In the Islamic economic history, there is a leading thinker known as Imam al-Ghazali (1055-1111) who had submitted a number of ideas related to money, such as evolutionary theory of money, functions of money, the prohibition of hoarding money, currency issues and the role of government in a monetary system. In addition, the use of money in the current economic situations often lead to unhealthy economic situation, such as inflation, currency speculation problems, the accumulation of wealth and many more. Thus, this study will describe the comparison between the role of money in use today and the role of money raised by Imam al-Ghazali. Although there was a period of time, but the existence of the role of money in this day is said to have continuity on the views of Imam al-Ghazali. This study will analyze the role of money raised by Imam al-Ghazali can be applied to further improve the role of money in economic systems and then used to solve various economic problems that hit today.

Keywords: *the role of money, Imam Al-Ghazali*

PENGENALAN

Secara umum, wang digunakan sebagai perantaraan untuk memenuhi kehendak atau keperluan manusia seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Wang mempunyai sifat penerimaan umum yang menghubungkan manusia sebagai alat perantaraan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, orang ramai mendapatkan wang sebagai alat perantaraan untuk tujuan urusan niaga bagi mendapatkan sesuatu barang bagi memenuhi keperluan manusia yang tidak hanya terbatas pada keperluan hidup semata-mata (Shouyong 1997) Seterusnya, wang bukan sahaja digunakan sebagai medium pertukaran malah berperanan sebagai unit ukuran nilai. Wang diperlukan untuk menentukan harga atau mengukur nilai pertukaran yang sepatutnya sesuatu untuk ditukarkan dengan barangan dan perkhidmatan. Fungsi wang yang ketiga ialah wang sebagai penyimpan nilai. Fungsi ini menggambarkan bahawa pertukaran untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan boleh dilakukan untuk masa akan datang.

Terdapat beberapa tokoh pemikir awal Islam yang membincangkan isu berkaitan kewangan Islam dan ekonomi kewangan. Abul Hasan (1992) telah menyatakan bahawa salah seorang tokoh pemikir iaitu Ibn Miskawaih membincangkan pandangan beliau mengenai pertukaran dan menggabungkan idea matawang sebagai medium pertukaran pada tahun 1030M. Beliau juga menerangkan berkaitan standard penilaian emas. Seterusnya, Imam al-Ghazali turut membincangkan pandangan berkaitan kewangan. Imam al-Ghazali merupakan tokoh utama yang ditumpukan dalam kajian ini kerana pandangan yang dikemukakan oleh beliau terutamanya dalam bidang kewangan yang dilihat mempunyai hubungan dengan situasi kewangan pada masa kini. (Abul Hasan 1992)

KAJIAN LEPAS

Imam al-Ghazali (t.th) mengemukakan pandangan dan teori dalam pelbagai bidang antara falsafah dan tasa'wuf. Dalam penulisan ini juga, Imam al-Ghazali telah mengemukakan persoalan berkaitan peraturan pasaran, penilaian pajakan, tingkahlaku dalam ekonomi yang dibenarkan, harga dan buruh, wang sebagai alat pertukaran, pencetakan wang, perubahan harga dan etika dalam ekonomi. Terdapat beberapa bab telah dikenalpasti membincangkan berkaitan teori kewangan seperti Kitab *Ibadat* berkaitan bab zakat serta bab pekerjaan dan sara hidup. Imam al-Ghazali dilihat telah memulakan pandangan berkaitan teori kewangan melalui penjelasan beliau bahawa larangan perdagangan matawang dan melarang kewujudan matawang bercampur.

M. Abdus Sattar (1968) dalam tulisannya bertajuk "Ibn Khaldun's Contribution to Economic Thought" turut membincangkan pandangan tokoh selepas Imam al-Ghazali iaitu Ibn Khaldun berkaitan kewangan. Ibn Khaldun menyatakan beberapa pandangan mengenai kewangan melalui karyanya yang terkenal *Al-Muqaddimah*. Ibn Khaldun mengakui dua fungsi wang yang utama iaitu alat perantaraan dalam pertukaran dan penyimpan nilai yang tidak jauh dengan idea yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali. Ibn Khaldun juga berpendapat emas dan perak merupakan medium terbaik untuk menukar nilai semua modal terkumpul dan sebagai penyimpan nilai kerana emas dan perak berbanding barangan lain yang sentiasa naik dan turun.

Berdasarkan sejarah, Zainal Abidin Ahmad (1971) menyatakan bahawa penggunaan matawang telah berlaku semenjak zaman Rasulullah saw. Beliau juga tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bangsa Arab *Quraisy* merupakan bangsa jahiliyyah yang kolot dan tidak menggunakan matawang serta hidup dengan sistem barter sahaja. Pada tahun 15 hijrah, matawang pertama Negara Islam mula dikeluarkan oleh Khalid bin Walid di *Thabariyyah* yang merupakan salah sebuah daerah di Syria. Matawang ini menggunakan ukiran seperti salib, mahkota dan tongkat kebesaran walaupun rupa bentuk ukiran matawang ini masih lagi dipengaruhi oleh matawang asing. Seterusnya, pada tahun 38 hijrah bersamaan 658 masihi matawang kedua telah dihasilkan dengan ciri-ciri matawang Islam oleh Khalifah Abdul Malik Bin Marwan dari Umayyah yang memerintah pada 65 H-86H bersamaan 685M-705M. Seterusnya, pembuatan matawang ini mendapat tentangan daripada Romawi yang beranggapan bahawa penghasilan matawang ini akan merosakkan hubungan arab dan Rom. Namun, setelah mengambil pendapat semua pihak, Abdul Malik Bin Marwan meneruskan pembuatan matawang Islam dan mengambil pembuat matawang untuk menghasilkan matawang yang mempunyai kalimah tauhid, nama Rasulullah saw, tempat dan tahun dicetak. Matawang pertama yang bercirikan Islam dinamakan sebagai "*Dimasyqiyyah*" yang bersesuaian dengan tempat pencetakan matawang tersebut iaitu Damaykus. Khalifah mengirimkan matawang ini ke seluruh negeri dan

mengarahkan supaya matawang Rom dan Parsi akan dibekukan serta digantikan dengan matawang Islam yang baru. Peranan matawang ini terus berjalan sebagai alat penilai dalam pertukaran yang ditentukan oleh matawang tersebut. Keadaan ini berlaku semasa zaman Umayyah dan seterusnya ke zaman Imam al-Ghazali. Perbincangan al-Ghazali dalam kewangan seterusnya digunakan dalam ekonomi kewangan moden pada masa kini. (Zainal Abidin Ahmad 1971)

S. M. Ghazanfar & Abdul Azim Islahi (1997) menjelaskan mengenai sumbangan Imam al-Ghazali dalam bidang ekonomi termasuklah kewangan. Dalam artikel ini, pandangan Imam al-Ghazali dalam kewangan menerangkan masalah sistem barter merupakan evolusi wang dan fungsi wang. Terdapat evolusi yang berlaku pada matawang bermula daripada wang komoditi kepada wang logam dan seterusnya berubah kepada wang kertas dan syiling disebabkan pelbagai perubahan seperti soal pemecahan nilai yang lebih kecil, soal piawai dan alat perantaraan. Secara umumnya, teori ekonomi yang dirangka oleh Imam Al-Ghazali adalah berasaskan kepada agama, kehidupan, keluarga, harta, dan intelek. Beliau turut menumpukan kepada konsep masalah yang akan membezakan antara keperluan, keselesaan dan kemewahan. Imam al-Ghazali menyatakan bahawa kemaslahatan dan menolak bahaya merupakan matlamat daripada kehidupan manusia iaitu pemeliharaan terhadap agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Sebagai contoh, semasa menjalankan kegiatan ekonomi, Imam al-Ghazali melarang keras sebarang unsur riba dalam traksaksi dan juga penimbunan harta. Larangan terhadap riba ini bertujuan menjaga *maqasid syariah*. Amalan riba ini jelas memberi kesan buruk terhadap diri, keturunan dan harta secara keseluruhan dalam masyarakat. Secara keseluruhan daripada teori kewangan yang dirangka oleh imam al-Ghazali menekankan kepada prinsip berasaskan al-Quran dan Sunnah dalam setiap sudut. (Abu Hamid al-Ghazali 1971) Zainal Abidin Ahmad (1979) membincangkan konsep Imam al-Ghazali dalam kewangan yang menyatakan mengenai keperluan matawang kerana ketidakseimbangan nilai dan harga untuk mendapatkan sesuatu barangan. Menurut Zainal Abidin Ahmad (1979), Imam al-Ghazali menyatakan bahawa wang telah digunakan sebelum dan semasa zaman Rasulullah saw. Sejarah menunjukkan bahawa orang Arab mengenali wang daripada emas iaitu dinar daripada orang Rom semasa perdagangan mereka ke utara iaitu Syria manakala mengenali dirham yang merupakan matawang perak semasa perdagangan mereka ke Yaman. Penulisan ini turut menyatakan pendapat Imam al-Ghazali berkenaan pencetakan matawang di dalam negara Islam. Tugas mencetak matawang adalah pemerintah yang boleh dijalankan mengikut institusi perbankan. Ketika zaman Imam al-Ghazali, beberapa tanggungjawab bank terhadap matawang sudah dilihat antaranya penukar matawang yang berlainan dan perantaraan untuk mengiriskan wang kepada daerah-daerah yang berlainan. Ketika ini juga telah wujud pasaran antarabangsa yang menjadi tempat berkumpulnya para pedagang berbagai bangsa dan tempat pengumpulan barang dagangan dari barat dan timur. Di dalam buku ini juga menyatakan bahawa Imam al-Ghazali telah menyebut perkataan *syayrafah* dan *shayarifah* yang berkaitan kewangan dan perbankan. Zainal Abidin Ahmad (1979) turut menghuraikan pandangan Ibn Khaldun berkenaan kepentingan memegang matawang. Ibn Khaldun hidup dizaman kedua iaitu ketika itu matawang sudah menjadi alat yang berharga dengan menyatakan tiga peranan wang yang utama dan penting iaitu menjadi alat penukar dan pengukur harga sebagai nilai usaha (*makasib*), menjadi alat perhubungan (*al-qaniah*) dan menjadi alat simpanan (*al-zakhirah*).

Audit Ghazali (1991) dalam penulisan yang berjudul "Islamic Thinkers on Economics, Administration and Transaction" turut membincangkan berkaitan 12 orang tokoh pemikir dalam ekonomi Islam termasuklah Imam al-Ghazali. Antara penjelasan di dalam buku ini termasuk latarbelakang kehidupan dan pendidikan Imam al-Ghazali, senarai karya-karya Imam al-Ghazali serta pandangan Imam al-Ghazali berkaitan ekonomi. Terdapat beberapa teori kewangan Imam al-Ghazali dibincangkan di dalam buku ini pada perkara berkaitan larangan ketidakadilan dalam urusan dagangan iaitu kesan buruk penimbunan wang dan larangan penggunaan wang buruk atau bercampur dalam pasaran. Seterusnya, Imam al-Ghazali turut membincangkan masalah riba terutama yang melibatkan pertukaran emas dengan emas. Larangan Imam al-Ghazali dalam *riba al-fadl* ini kerana perubahan dan ketidakstabilan nilai emas dan perak sebagai alat medium pertukaran, alat penyimpan nilai dan alat ukuran nilai. Penulis buku ini juga berpendapat bahawa masalah kestabilan nilai matawang pada hari ini juga hanya disebabkan faktor aktiviti riba sahaja malah disebabkan spekulasi, penimbunan harta cair oleh golongan tertentu serta tindakan yang melakukan wang fiat sebagai komoditi. Seterusnya, kajian ini juga membincangkan mengenai tokoh pemikir Islam yang bernama Taqiuddin Ahmad Al-Maqrizi pada tahun 767h-846h bersamaan 1364m-1442m yang membincangkan mengenai wang dalam kitabnya yang bertajuk *Risalat al-Nuqud al-Islamiyyah*. Karya al-Maqrizi ini lebih memfokuskan kepada penggunaan wang dan kestabilan nilai semasa zaman pra-Islam dan zaman selepas Islam di dunia Arab serta perbincangan mengenai konsep kuasa beli benar dan hubungan dengan peningkatan penawaran wang.

Abul Hasan M. Sadeq (1992) menyatakan dalam karangannya bertajuk Introduction: Islamic Economic Thought mendapati secara keseluruhannya, pandangan yang diperkenalkan oleh Imam al-

Ghazali telah diperkembangkan oleh beberapa tokoh selepasnya. Menurut buku ini, Imam al-Ghazali menganalisis evolusi dalam kewangan dan menjelaskan keperluan masyarakat terhadap matawang ini. Imam al-Ghazali turut menambah pandangan yang dikemukakan oleh Ibnu Miskawaih dengan cuba menjelaskan mengenai larangan *riba al-fadl* yang jelas bertentangan dengan fungsi sebenar matawang. Imam al-Ghazali turut menegah tindakan menimbun wang kerana tujuan penciptaan wang adalah sebagai medium pertukaran dan tindakan menimbun wang akan mengganggu peranan wang dalam ekonomi.

Seterusnya, AbulHasan M. Sadeq (1992) turut menyatakan dalam “Al-Ghazali on Economic Issues and Some Ethico-Juristic Matters Having Implications for Economic Behaviour” yang menjelaskan medium yang digunakan untuk mengawal penawaran dan permintaan wang dalam pasaran. Perbincangan matawang oleh Imam al-Ghazali lebih bersifat semulajadi iaitu fungsi dan peranan matawang. Beliau menerangkan dengan baik masalah yang wujud akibat sistem barter dan menjelaskan kepentingan wujudnya matawang serta menganalisis dengan jelas dua fungsi utama matawang iaitu unit ukuran nilai dan medium pertukaran. Namun, Imam al-Ghazali melarang peranan penyimpanan nilai matawang yang bertujuan untuk penimbunan harta. Beliau juga sangat tegas dengan larangan dalam pertukaran matawang contohnya emas dengan emas kerana ia merupakan suatu bentuk *riba*.

Setelah zaman kegemilangan Imam al-Ghazali, terdapat beberapa tokoh konvensional yang telah mengemukakan pendapat masing-masing. S. M. Ghazanfar (2000) telah membandingkan secara terperinci diantara pendapat dua tokoh ekonomi dalam sejarah Islam dan sejarah konvensional. Berdasarkan dari artikel tersebut, beliau menyimpulkan terdapatnya persamaan teori yang dikemukakan walaupun keduanya mempunyai pegangan agama yang berlainan. Walau bagaimanapun, jika dilihat berdasarkan tahun terawal, Imam al-Ghazali terlebih dahulu merangka teori ekonomi Islam sebelum teori tersebut ditulis semula oleh tokoh konvensional yang lain. Secara keseluruhannya, walaupun teori yang dikemukakan oleh imam Al-Ghazali seawal tahun diantara 1058–1111 namun teori tersebut masih dijadikan panduan dan rujukan oleh tokoh pemikir konvensional yang terkemudian. S. M. Ghazanfar (2000) menjelaskan bahawa terdapat persamaan dan hubungkait dalam idea yang dikemukakan Imam al-Ghazali (1058-1111) melalui karangannya *Ihya Ulumuddin* dan St. Thomas Aquinas (1225-1275) melalui *Summa Theological*. Dalam masalah *riba* atau *usury* contohnya, St. Thomas Aquinas (1225-1275) turut menyatakan bahawa sebarang penambahan dalam pinjaman akan memberikan penindasan kepada golongan yang meminjam wang dan penambahan secara paksa akan memberikan dosa kepada pelakunya. Larangan *riba* yang dikemukakan oleh St. Thomas ini telah dikemukakan terlebih dahulu oleh imam Al-Ghazali dalam kitabnya. Walaupun hampir berkurun lamanya, namun teori tersebut masih dijadikan garis panduan oleh tokoh selepas Imam al-Ghazali.

Seterusnya, artikel bertajuk “A Survey of the Development of Islamic Economics Thought” oleh Joni Tamkin (2000) membincangkan beberapa tokoh pemikiran Islam bermula zaman fasa pertama sehingga fasa ketiga iaitu Muhammad Bin al-Hassan al-Shaybani, Yahya bin Adam al-Quraishi, al-Mawardi, Ibn Miskawayh, Ibn Khaldun dan Shah Wali Allah al-Dihlawi. Imam al-Ghazali merupakan tokoh fasa ke-2 yang membincangkan teori kewangan seperti kepentingan wang dan fungsinya sebagai medium pertukaran dan unit ukuran nilai. Menurut Imam al-Ghazali, matawang dinar dan dirham tidak diminta kerana faktor dirinya sendiri tetapi bertujuan untuk dapatkan barangan lain.

Ahmad Dimiyati (2002) pula menyatakan bahawa dunia Islam terlebih dahulu mengetahui kepentingan wang dalam sistem ekonomi. Ini jelas ditunjukkan oleh Imam al-Ghazali bahawa terdapat beberapa masalah dalam sistem barter yang memerlukan persamaan kehendak, penetapan nilai dan pelbagai lagi. Beliau turut membincangkan mengenai fungsi wang yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali iaitu sebagai medium pertukaran dan alat ukuran nilai tertentu pada barangan dan alat untuk mendapatkan barang-barang lain dan tujuan tertentu tetapi terdapat perbezaan dengan fungsi wang yang biasa dikatakan. Selain itu, buku ini turut menghuraikan berkaitan teori evolusi wang yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dan beberapa pemikir barat seperti Werner Sombart. Buku ini menyatakan bahawa pada zaman Imam al-Ghazali matawang dibuat daripada emas dan perak yang dikenali sebagai dinar dan dirham. Matawang ini digunakan kerana memenuhi syarat-syarat untuk dijadikan wang seperti diterima secara luas, nilai yang stabil, bentuk yang mudah dikenali dan tahan lama, sukar dipalsukan serta mudah untuk dipecahkan kepada nilai-nilai yang kecil. Seterusnya dibincangkan mengenai larangan *hoarding money* iaitu penimpunan wang kerana menghilangkan fungsi wang apabila hanya beredar pada golongan tertentu sahaja. Kajian ini turut menjelaskan pendapat Imam al-Ghazali dalam masalah wang yang bercampur. Imam al-Ghazali jelas melarang wujudnya wang campuran yang akan mengganggu peranan wang dalam pasaran. Kewujudan wang campuran akan sebabkan wang yang baik akan disimpan seterusnya orang ramai hanya akan menggunakan wang yang bercampur sahaja. Pandangan Imam al-Ghazali ini telah dijadikan asas dalam

pembentukan teori Gresham yang mengatakan *"bad money drives out good money"*. Walaubagaimanapun, Imam al-Ghazali jelas melarang percampuran matawang serta memberikan beberapa pandangan jika adanya wujud wang campur dalam pasaran. Buku ini turut menjelaskan mengenai hukum perdagangan matawang dan keperluan campurtangan kerajaan dalam sistem matawang untuk mengekalkan fungsi dan peranan matawang dalam pasaran.

Michael D. Bordo et al (2003) telah membuat kajian tentang kestabilan inflasi menggunakan wang fiat dan emas. Dengan menggunakan model ekonometrik, hasil kajian menunjukkan bahawa nilai emas adalah lebih stabil dalam tempoh jangka masa panjang berbanding dengan penggunaan wang fiat. Namun, penggunaan matawang emas ini memerlukan kos yang lebih tinggi berbanding penggunaan matawang fiat yang mempunyai kos yang lebih rendah. Kajian ini dilihat bersesuaian dengan pandangan Imam al-Ghazali yang membenarkan penggunaan matawang lain selain daripada emas dan perak.

Penggunaan matawang perak dan emas merupakan satu alternatif kewangan yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali dan beberapa tokoh Islam yang lain. Walau bagaimanapun, Muhammad Aslam Haneef & Emad Rafiq Barakat (2006) telah membincangkan secara terperinci berkaitan penggunaan matawang dinar emas dan perak serta penggunaan matawang yang lain. Terdapat beberapa pendapat berkaitan fiqh telah dikaji dari segi aplikasi penggunaan matawang lain selain emas dan perak. Hasil daripada artikel tersebut menjelaskan bahawa melalui konsep ijtihad dan masalah, matawang lain boleh digunapakai bersesuaian dengan keadaan zaman pada masa tersebut dan perkara itu tidak bertentangan dengan amalan dalam ekonomi Islam.

Fungsi matawang mengikut pandangan Imam al-Ghazali ialah sebagai alat yang dipersetujui oleh umum sebagai medium pertukaran untuk mendapatkan barangan lain. Isu matawang yang dipersetujui umum ini juga telah berlaku semasa matawang Islam diperkenalkan. Walaupun matawang Islam iaitu dinar emas dan dirham telah digunakan. Namun, wang dinar emas hanya beredar dan digunakan di negara-negara sebelah barat atau kawasan jajahan Romawi sebelum kedatangan Islam. Tetapi, matawang dirham perak pula digunakan di Iraq dan Parsi. Setelah itu, pada tahun keempat Hijrah matawang emas mula beredar di Iraq tetapi wilayah-wilayah lain masih kekal menggunakan dirham perak sebagai matawang. (Zainal Abidin Ahmad 1979) Kedua, matawang tidak dianggap mempunyai nilai tersendiri sebagai suatu barangan. Ketiga, disebabkan fungsi yang tertumpu sebagai alat pertukaran. Maka, wang berperanan sebagai unit ukuran untuk tukaran barang. Oleh itu, Imam al-Ghazali mengibaratkan sebagai "cermin yang tidak mempunyai warna sendiri tapi mampu mengeluarkan semua jenis warna". Ini bererti bahawa dinar dan dirham tidak mempunyai nilai dalaman tersendiri tetapi mampu mengukur nilai barangan lain. Imam al-Ghazali menjelaskan permintaan wang bukan disebabkan oleh faktor matawang itu sendiri tetapi disebabkan untuk mendapatkan barangan lain. (Rafiq al-Misri 1981) Zainal Abidin Ahmad (1979) menyatakan bahawa sejarah membuktikan matawang telah digunapakai sebelum dan semasa kehidupan Rasulullah saw, dan ini menunjukkan masyarakat Arab telah mengenali matawang pada ketika zaman tersebut. Namun, kebanyakan matawang yang wujud ketika itu adalah daripada luar iaitu dinar dari Romawi semasa perdagangan ke utara iaitu Syria manakala matawang dirham adalah dari Parsi semasa perdagangan ke selatan iaitu Yaman. Matawang pertama yang dicipta sendiri pada tahun 15 hijrah iaitu tahun keempat selepas kewafatan Rasulullah saw oleh Khalid Bin Walid.

Secara keseluruhannya, sorotan daripada kajian lepas telah mengemukakan pelbagai pandangan pelbagai tokoh pemikir ekonomi Islam dan konvensional bermula daripada zaman awal Islam sehinggalah zaman kini. Berdasarkan sorotan kajian ini dilihat bahawa terdapat beberapa teori kewangan yang wujud pada suatu ketika dahulu masih digunakan sehingga masa kini tetapi mengalami beberapa evolusi yang disebabkan pelbagai perubahan yang berlaku dalam situasi ekonomi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data secara kualitatif menggunakan karya seperti *al-Mustasfa min 'Ilmi al-Usul* dan *Ihya Ulum al Din*, artikel dan kertas kerja persidangan untuk mendapatkan fakta-fakta yang tepat berkaitan pandangan Imam al-Ghazali terutamanya berkaitan teori kewangan dan kajian yang membuat ulasan dan penilaian lanjut terhadap pandangan Imam al-Ghazali. Selain itu, beberapa data kajian lepas turut digunakan seperti inflasi terhadap pertumbuhan ekonomi dan krisis subprima.

Seterusnya, kajian ini menggunakan metode analisis data yang bersifat kualitatif iaitu analisis yang berdasarkan fakta-fakta yang tidak memerlukan pengklasifikasi sepertimana analisis secara kuantitatif. Metode analisis secara kualitatif ini lebih menumpukan perbincangan terhadap isi data. Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) bermaksud satu penghuraikan yang objektif, sistematik

dan kualitatif bagi suatu kandungan tersurat (*manifest content*) yang terdapat samada dalam bentuk dicetak, disiarkan atau digambarkan.(Bryman & Alan 2008) Analisis kandungan disebut juga sebagai analisis dokumen adalah telahan, sistematik atas catatan-catatan atau dokumen-dokumen sebagai sumber data. Analisis kandungan juga merujuk kepada satu teknik untuk membuat inferens secara sistematik secara sistematik dan objektif ke atas sesuatu ciri-ciri mesej yang telah dikenalpasti.(Sabitha Marican 2009)

Analisis data secara kualitatif adalah berbeza dengan dengan metode kuantitatif kerana analisis secara kualitatif merupakan satu analisis terhadap isi kandungan data kajian tersebut. Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) bermaksud satu penghuraikan yang objektif, sistematik dan kualitatif bagi suatu kandungan tersurat (*manifest content*) yang terdapat samada dalam bentuk dicetak, disiarkan atau digambarkan.(Bryman & Alan 2008) Analisis kandungan disebut juga sebagai analisis dokumen adalah telah, sistematik atas catatan-catatan atau dokumen-dokumen sebagai sumber data. Analisis kandungan juga merujuk kepada satu teknik untuk membuat inferens secara sistematik secara sistematik dan objektif ke atas sesuatu ciri-ciri mesej yang telah dikenalpasti.(Sabitha Marican 2009)

Setelah data kandungan dianalisis, kesemua maklumat yang diperolehi akan dianalisis menggunakan metode perbandingan. Seperti dalam kajian ini, teori beberapa pemikir ekonomi konvensional akan dibandingkan dengan teori Imam al-Ghazali untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam setiap pemikiran. Untuk melihat hubungan diantara kajian ini dan teori semasa, satu kaedah lain yang dikenali sebagai kaedah relevansi akan digunakan. Melalui kaedah ini, kajian dapat dilihat sama ada berkesinambungan, bersesuaian atau bersambungan dengan sesuatu tujuan tertentu. Berdasarkan kajian yang sedang dijalankan ini, penulis akan melihat sejauh mana teori yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali masih relevan atau berkesinambungan dengan teori yang dikemukakan dan diaplikasikan oleh tokoh ekonomi pada masa kini. Diakhir kajian ini, penulis akan mendapat sejauh mana teori yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali dapat digunakan sebagai pemangkin kearah memajukan ekonomi negara.

KRISIS EKONOMI DAN KESAN TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI

Wang telah diketahui merupakan medium pertukaran untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan. Medium pertukaran merupakan fungsi utama wang dan mewujudkan fungsi-fungsi lain seperti alat pengukur dan penyimpan nilai. Kepentingan fungsi sebagai medium pertukaran turut dibincangkan dalam sejarah evolusi wang. Kewujudan wang akan mengurangkan kos pencarian untuk mendapatkan dua pihak yang memerlukan barangan yang sama sepertimana yang diperlukan dalam sistem barter. Dalam perkembangan teknologi yang semakin pesat, kad kredit, kad debit dan cek turut diiktiraf sebagai wang kerana ia diterima pakai untuk pembayaran. (Hanson J.L. 1970)

Ketidakstabilan dalam penawaran wang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. (Sarizah Soed & M. Nazri Zakaria 2005) Krisis gadaai janji subprima merupakan satu krisis ekonomi yang berpunca dari permasalahan penyusutan jumlah kecairan dalam sistem perbankan yang mana ianya mengakibatkan kemerosotan dalam pasaran perumahan Amerika Syarikat.(Justin Lahart 2007) Krisis ini bermula apabila terdapat insentif pinjaman dan arah aliran harga perumahan semakin meningkat dalam jangka panjang yang menggalakkan peminjam memperoleh pinjaman gadaai janji dengan percaya bahawa mereka akan mampu membiayai semula pada kadar yang lebih bagus pada masa akan datang.(Ben S. Bernanke 2008) Bagaimana pun harga perumahan mula menurun secara sederhana pada tahun 2006-2007 di kebanyakan kawasan di Amerika Syarikat dan ini memberikan kesan negatif terhadap proses pembiayaan semula dan pembayaran pinjaman.(Robert J. Shiller 2008)

Akibat peningkatan dalam nilai hartanah, maka permasalahan mula timbul apabila pembeli sudah tidak berminat untuk membeli rumah dengan harga yang tinggi dan akhirnya mengakibatkan kejatuhan dalam nilai hartanah. Pihak bank pelaburan sekali lagi dalam hal ini tidak mendapat sebarang faedah kerana mereka ketiadaan wang tunai untuk digunakan sebagai kitaran perniagaan mereka. Kejatuhan harga juga akan menyebabkan nilai cagaran mereka menjadi rendah dan tidak akan dapat menarik pelabur lain untuk membeli cagaran tersebut.(Ben S. Bernanke 2008) Berdasarkan kepada pandangan Imam al-Ghazali dalam kewangan, masalah subprima disebabkan beberapa kesalahan dalam aktiviti ekonomi. Al-Ghazali menyatakan bahawa matawang adalah alat perantaraan dan mengukur nilai bagi pertukaran sesuatu barangan. Manakala, masyarakat kapitalisme berpendapatan bahawa matawang adalah komoditi dagangan.(Adiwarman Karim 2002).Tambahan pula, matawang dolar yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat hanyalah wang fiat yang tidak mempunyai sandaran emas dan ini dapat menggalakkan berlakunya aktiviti spekulasi. Golongan ini kemudiannya memperniagakan hutang berbabit dan ini menunjukkan matawang tersebut bersandarkan hutang atau dikenali *debt based monetary system*. Tindakan ini membolehkan mereka mengambilkan untung

melalui penjualan hutang seperti bon. Tindakan ini jelas mengamalkan aplikasi riba mengikut pandangan Islam yang dilarang sama-sekali.

Selain dari krisis kewangan global, terdapat juga satu permasalahan ekonomi yang sering melanda kebanyakan negara iaitu inflasi. Pada umumnya inflasi diertikan sebagai kenaikan yang berlaku berterusan dalam tingkat harga umum dan tanpa batasan dalam sesuatu ekonomi. Harga umum bermaksud harga yang menggambarkan paras harga bagi keseluruhan barangan dan perkhidmatan yang ada dalam sesuatu ekonomi pada sesuatu masa tertentu. (Boyd & Smith 1998). Penawaran wang dalam pasaran juga dapat memberikan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Lebihan penawaran dalam pasaran akan mengakibatkan berlakunya inflasi manakala kekurangan penawaran wang akan mengakibatkan berlakunya deflasi. Kerajaan akan menggunakan alat-alat dasar kewangan untuk mempengaruhi penawaran wang yang kemudiannya akan memberi kesan langsung kepada kadar bunga dan akan mempengaruhi pembolehubah-pembolehubah makroekonomi yang lain. (Bruno & Easterly 1998)

Vikesh Gokal & Subrina Hanif (2004) turut menjelaskan dalam kajian mereka tentang peranan inflasi dalam pertumbuhan ekonomi negara. Peningkatan penawaran wang yang tidak seimbang dengan pertumbuhan negara akan menyebabkan berlakunya inflasi. Kajian ini telah menganalisa data GDP Negara Fiji dan 140 negara lain bermula dari tahun 1960-1998. Beberapa perbandingan teori tokoh ekonomi dahulu turut diperbincangkan. Antara teori yang dibincangkan ialah Teori pertumbuhan klasik yang diperkenalkan oleh Adam Smith yang telah menjadi asas dalam teori pertumbuhan yang mana teori tersebut membincangkan tentang peranan buruh dalam pasaran. Teori lain yang turut diperbincangkan ialah teori Keynesian yang memfokuskan tentang teori penawaran dan permintaan dalam pasaran. Dalam keseluruhan teori dapat dilihat bahawa peningkatan dalam inflasi akan membantutkan pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara termasuk Fiji.

Shamim Ahmed & Md. Golam Mortaza (2005) turut membincangkan tentang kesan inflasi terhadap pertumbuhan negara Bangladesh. Data yang dianalisis adalah data tahunan bagi CPI dan GDP bermula dari tahun 1980-2005. Berdasarkan analisis ekonometrik dengan menggunakan Ujian Kointegrasi dan Model Pembetulan Ralat, hasil menunjukkan bahawa kedua-duanya mempunyai hubungan yang negatif. Ini membawa maksud, apabila nilai CPI meningkat maka nilai GDP akan menurun dan begitulah sebaliknya. Girijasankar Mallik & Anis Chowdhury (2001) menjelaskan satu kajian yang lain pula, satu ujian telah dijalankan untuk menguji hubungan antara inflasi dan KDNK di empat negara terpilih iaitu Bangladesh, India, Pakistan dan Sri Lanka. Dengan menggunakan ujian kointegrasi dan model pembetulan ralat, data tahunan seawal tahun 1957-1977 menunjukkan bahawa dalam jangka masa panjang terdapat hubungan positif antara inflasi dan pertumbuhan kerana ketika berlakunya inflasi, pertumbuhan akan cuba ditingkatkan untuk menyeimbangkan kembali keadaan ekonomi semasa dan dalam masa yang sama cuba untuk mengurangkan kadar inflasi tersebut. Walaubagaimanapun, peningkatan inflasi yang terlalu cepat tetap akan membantutkan pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan pandangan Imam al-Ghazali (t.th) terhadap larangan menimbunkan harta (*kanz al-mal*) mempunyai kaitan terhadap kesan inflasi dan deflasi. Hasil penelitian terhadap inflasi dan deflasi jelas menunjukkan hubungan dengan jumlah peredaran wang dalam pasaran dan jumlah barangan dan pengeluaran dalam pasaran. Apabila jumlah wang yang beredar melebihi jumlah barangan dalam pasaran. Maka inflasi akan berlaku. Manakala, jika sebaliknya maka deflasi akan berlaku. Penimbunan wang akan mengakibatkan pengusaha sukar mendapatkan modal bagi meningkatkan hasil pengeluaran barangan. Pengurangan jumlah barangan dalam pasaran akan mengakibatkan berlakunya kenaikan harga barang tersebut kerana dalam situasi ini permintaan barangan melebihi daripada penawaran. Kenaikan tingkat harga umum barang secara keseluruhan akan mengakibatkan berlaku inflasi yang mana dalam situasi tersebut kuasa beli pengguna akan berkurangan. (Stanley 1993) Keadaan ini menjadi semakin buruk sekiranya kenaikan tersebut melibatkan keperluan asas. Situasi ini bersesuaian dengan larangan Imam al-Ghazali yang menegah aktiviti penimbunan wang (*kanz al-mal*).

Untuk mencapai kestabilan ekonomi dalam sesebuah negara, agihan kekayaan wajar diagihkan secara saksama dan jumlah golongan miskin sepatutnya cuba untuk dikurangkan dari semasa ke semasa. Walaupun tidak terdapat penimbunan secara langsung matawang emas dan perak. Namun, situasi yang berlaku pada masa kini iaitu kekayaan hanya dikuasai oleh golongan tertentu daripada kelompok yang kecil. Penumpuan kekayaan terhadap golongan tertentu ini akan menyebabkan tumpuan faktor-faktor pengeluaran hanya dimiliki oleh golongan yang tertentu. Sepertimana yang diketahui, pengeluaran barangan dan perkhidmatan memerlukan beberapa faktor pengeluaran seperti buruh, tanah, kemahiran pekerja yang pastinya memerlukan kuantiti wang yang banyak. T Hellman & M Puri (2000) menyatakan bahawa wang sangat diperlukan untuk penghasilan barangan dan boleh didapati dalam pasaran modal. Kewujudan aktiviti penimbunan atau pengumpulan kekayaan oleh

golongan tertentu akan menyukarkan orang ramai untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan dalam masyarakat.

Berdasarkan rajah 1, paksi Y menunjukkan tingkat harga barangan dan paksi X menunjukkan jumlah kuantiti pengeluaran dalam pasaran. Pada tingkat pengeluaran $Q_0 = Q_2$ harga barangan adalah pada harga $P_0 = P_2$ sementara pada tingkat pengeluaran Q_1 tingkat harga adalah pada P_1 . Keadaan ini menunjukkan bahawa pengurangan dalam kuantiti pengeluaran barangan akan meningkatkan harga barangan dalam pasaran. Penimbunan harta akan menyebabkan pengurangan dalam kuantiti penawaran barangan dalam pasaran kerana pemodal tidak berkeupayaan untuk mendapatkan modal tambahan. Pada tingkat permintaan yang sama, jumlah penawaran barangan telah berkurangan dalam pasaran dan ini berlaku disebabkan terdapatnya golongan yang menyekat modal atau kekayaan mereka dari masuk ke pasaran dan seterusnya menghalang pengusaha untuk mendapatkan modal tambahan bagi meningkatkan pengeluaran. Imam al-Ghazali begitu tegas terhadap larangan penimbunan harta kerana penimbunan harta terbukti akan menyekat pertumbuhan ekonomi negara apabila jumlah permintaan pasaran tidak dapat dipenuhi akibat daripada kekurangan modal yang dihadapi oleh pengeluar. Berdasarkan rajah 1, apabila penawaran berkurangan pada tingkat permintaan yang sama, maka akan berlaku pergerakan harga daripada P_2 ke P_1 . Pengurangan dalam kuantiti penawaran akan menyebabkan berlakunya lebih permintaan dalam pasaran. Untuk menyimbangi semula keadaan pasaran, maka penawaran barangan mestilah ditingkatkan dan peningkatan dalam jumlah pengeluaran akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam jumlah kos pengeluaran. Untuk menambahkan jumlah modal maka pasaran modal diperlukan bagi meningkatkan jumlah tambahan dana. Namun, modal yang diperolehi daripada pasaran modal mesti terhindar daripada aplikasi riba kerana riba akan menyebabkan peningkatan dalam kos pengeluaran dan seterusnya peningkatan pada harga barangan tersebut.

Berdasarkan rajah 2, FC_g menunjukkan kos tetap menurut Imam al-Ghazali. FC_i ialah kos tetap bagi kos tetap pengeluaran dalam ekonomi konvensional yang melibatkan kadar bunga (i). TC_g ialah jumlah kos pengeluaran menurut Imam al-Ghazali dan TC_i ialah kos pengeluaran konvensional (i). Daripada rajah 2 menunjukkan bahawa kos pengeluaran konvensional TC_i adalah lebih besar berbanding kos pengeluaran TC_g mengikut Imam al-Ghazali.

TC_i dan FC_i menunjukkan wujud aplikasi riba yang digunakan dalam sebarang transaksi akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam kos tetap dan kos berubah pada tingkat kuantiti yang sama. Riba bukan sahaja menyebabkan peningkatan dalam jumlah kos pengeluaran dan seterusnya akan turut membebankan pengguna akibat dari peningkatan dalam harga barangan tersebut. Peningkatan dalam tingkat harga barangan akan menyebabkan berlakunya inflasi dan ini akan mengurangkan kuasa beli pengguna dan seterusnya melembapkan pertumbuhan dalam pengeluaran. Imam al-Ghazali dalam pandangan beliau melarang keras penggunaan riba ke atas sebarang bentuk transaksi. Pengamalan riba dalam sistem kewangan secara tidak langsung menyebabkan pengurangan dalam kuantiti penawaran barangan. Riba secara umumnya di definisikan sebagai bayaran tambahan ke atas modal pinjaman dan bayaran tambahan ini semestinya akan meningkatkan kos pengeluaran barangan tersebut dan ini akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam harga barangan tersebut apabila pengeluar menolak kos tambahan tersebut kepada pembeli dan keadaan ini akan menyumbang kepada berlakunya situasi yang dikenali sebagai inflasi tolakan kos. Aplikasi-aplikasi kontrak yang dicadangkan oleh Islam seperti mudharabah dan musyarakah dapat membantu ke arah mengatasi permasalahan ini. Amalan riba bukan sahaja bertentangan dengan agama malahan turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan wajarlah amalan ini ditolak secara keseluruhannya.

CADANGAN IMAM AL-GHAZALI KEARAH MENSTABILKAN NILAI MATAWANG

Menurut Kamus Dewan, perkataan Dinar bermaksud matawang emas. Dinar merupakan satu unit mata wang syiling yang ditempa oleh orang Islam dan digunapakai sejak zaman permulaan Islam. Mahathir Mohamed (2002) telah mencadangkan mengenai penggunaan dinar emas iaitu penggunaan dinar diperlukan untuk penggunaan perdagangan antarabangsa sahaja. Penggunaan dinar emas untuk tujuan perdagangan runcit tidak sesuai kerana jika terdapat 1 syiling emas RM1 dan RM1 wang kertas, maka terdapat golongan yang akan menyimpan wang syiling emas dan hanya menggunakan RM1 wang kertas. Keadaan ini akan menyebabkan lama-kelamaan wang syiling emas yang dikeluarkan oleh pemerintah akan hilang dari pasaran. Keadaan ini berlaku pada Amerika Syarikat yang pernah kehilangan 80% daripada simpanan emas mereka. Selain itu, nilai dolar dilihat semakin berkurangan kerana semasa perjanjian Bretton Woods ialah nilai satu auns emas bersamaan \$35 dolar Amerika Syarikat sedangkan pada masa kini satu auns emas bersamaan \$1,300 dolar. Ini jelas menunjukkan bahawa matawang dolar telah mengalami kejatuhan matawang yang teruk tetapi ia masih digunakan

untuk tujuan perdagangan antarabangsa. Seterusnya, beliau juga mencadangkan agar dinar emas hanya disimpan dalam bentuk jongkong dan bata yang mengikut nilai emas semasa dunia. Dalam perdagangan antarabangsa pula, beliau mencadangkan jumlah import dan eksport antara akan dinilai dan dibayar menggunakan dinar emas jika adanya keperluan dalam bayaran tersebut contoh terdapat lebih eksport berbanding import. Dengan ini, dolar Amerika Syarikat yang jelas tidak stabil tidak perlu digunakan dan masalah penyangak matawang tidak akan berlaku. (Zuhaimy Ismail 2003)

Walaupun aplikasi penggunaan emas masih belum dilaksanakan sepenuhnya oleh mana-mana negara pada masa kini. Namun, terdapat beberapa pandangan tersebut selari dengan pandangan Imam al-Ghazali. Salah satu fungsi wang ialah *at-tabadul* atau *al-mu'awidah* yang bermaksud wang sebagai perantara dalam pertukaran barang. Fungsi ini juga mempunyai hubungan dengan fungsi *qiyam ad-dunya* iaitu sebagai alat yang digunakan untuk mengukur nilai barang dan membandingkan dengan barangan lain. Berdasarkan ini, dinar emas sesuai digunakan untuk perdagangan antarabangsa. Ia dapat digunakan dengan menilai jumlah perdagangan tersebut dan nilai emas semasa. Bagaimanapun, Imam Al-Ghazali tidak melarang penggunaan matawang lain dalam pasaran selagi mana matawang tersebut diiktirafkan oleh pemerintah. Pandangan ini juga menunjukkan bahawa Imam al-Ghazali memberi ruang lingkup yang lebih luas dalam jenis matawang yang digunakan dan dalam yang sama menekankan adanya campurtangan kerajaan bertujuan memastikan kestabilan nilai matawang yang digunakan. Michael D. Bordo et al (2003) telah membuat kajian tentang kestabilan inflasi menggunakan wang fiat dan emas. Dengan menggunakan kaedah ekonometrik, hasil kajian menunjukkan bahawa nilai emas adalah lebih stabil dalam tempoh jangka masa panjang berbanding dengan penggunaan wang fiat. Walaubagaimanapun, penggunaan wang emas memerlukan kepada kos dan sumber yang tinggi untuk melaksanakannya. Wang fiat pula didapati mempunyai nilai yang stabil pada jangka masa pendek sahaja tetapi mempunyai kelebihan dari segi murahness kos mewujudkan matawang. Berdasarkan kenyataan di atas, wang fiat lebih sesuai untuk dijadikan sebagai alat tukaran untuk transaksi harian kerana sukarnya untuk mengeluarkan wang emas untuk kegunaan secara runcit. Walaubagaimanapun, untuk peringkat antarabangsa seperti import dan eksport, penggunaan emas masih relevan untuk dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh Mahathir Mohamad (2002). Berdasarkan teori yang dikeluarkan oleh Imam Al-Ghazali, beliau telah mencadangkan penggunaan dinar emas kerana nilai emas adalah lebih stabil, namun beliau tidak pernah menolak aplikasi penggunaan matawang lain. Berdasarkan keadaan ekonomi semasa, penggunaan wang fiat dan emas dapat digabungkan penggunaannya namun bukan dicampurkan dalam penggunaan matawang harian. Ini kerana walaupun Imam al-Ghazali membenarkan penggunaan matawang lain, namun Imam Al-Ghazali tidak membenarkan percampuran matawang kerana matawang emas akan disimpan dan seterusnya hanya matawang fiat yang mempunyai tidak stabil sahaja yang akan digunakan sebagai medium pertukaran. Aplikasi wang fiat sesuai digunakan untuk urusanniaga harian manakala emas lebih sesuai untuk transaksi peringkat antarabangsa seperti import dan eksport barangan.

Namun, beliau begitu tegas melarang kewujudan matawang bercampur dalam masyarakat kerana akan menimbulkan kesan buruk dalam ekonomi sesuatu masyarakat. (Ahmad Dimiyati 2008) Ini turut dibincangkan dalam teori konvensional iaitu teori Greshaw yang menyatakan bahawa "*Bad money drives out good money*". Teori menjelaskan bahawa apabila satu negara mempunyai dua jenis matawang yang mempunyai nilai angka nominal yang sama tetapi satu dibuat dengan logam baik seperti emas dan perak manakala satu lagi dibuat daripada bahan dicampur atau matawang kertas. Maka, lama-kelamaan matawang yang baik seperti emas dan perak akan hilang daripada pasaran kerana manusia lebih cenderung menggunakan matawang yang bercampur. Matawang yang baik pula disimpan atau dilebur untuk dijadikan bahan perhiasan. (Hanson J. L. 1970) Oleh itu, dalam keadaan jumlah simpanan emas yang agak terhad. Maka penggunaan emas untuk tujuan perdagangan runcit tidak sesuai untuk dipraktikkan. Tambahan pula, ia dibimbangi akan mengurangkan jumlah emas yang beredar dalam pasaran.

Terdapat begitu banyak aplikasi yang boleh dilaksanakan dengan menggunakan dinar emas. Pada tahun 1997, kejatuhan nilai rupiah Indonesia telah menyebabkan ramai rakyatnya tidak mempunyai simpanan yang cukup untuk menunaikan haji. Berpunca dari masalah tersebut, Ongkos Naik Haji (ONS) telah memperkenalkan satu kaedah iaitu simpanan dengan menggunakan dinar emas bermula dari tahun 2000. Jemaah haji yang menyertai ONH akan terlibat aktiviti menyimpan dan melaburkan dinar emas melalui *Gold Accumulation Plans Scheme* (GAPs). Melalui skim ini jemaah haji akan memperolehi keuntungan melalui peningkatan harga emas tersebut. (Hamidi 2007)

Di Malaysia juga telah terdapat beberapa transaksi urus niaga yang dijalankan menggunakan unit dinar melalui sistem pembayaran elektronik. Antara sistem telah diaplikasikan ialah sistem E-Dinar yang dibangunkan oleh E-Dinar Ltd manakala Web Dinar yang mula beroperasi pada September 2009. Sistem e-Dinar diasaskan pada bulan Ogos 2000 di Labuan, Malaysia dan berpusat di Dubai Corporation, Dubai. (Zeno Dahinden 2008). E-dinar ialah satu sistem pembayaran dan pertukaran

elektronik menerusi Internet. E-dinar beroperasi dalam e-dagang yang mana urusan jual beli atas talian dilakukan dalam nilai emas dan perak dan kesemua sistem e-dinar kerana ia disokong oleh 100% emas dan perak fizikal. Web dinar pula merupakan satu sistem perdagangan atas talian yang menggunakan nilai dinar emas dalam transaksi pembayaran. Matlamat utama pembangunan sistem ini adalah untuk mewujudkan satu sistem perdagangan secara *online* yang mengikut prinsip syariah dengan mempromosi penggunaan mata wang Islam iaitu dinar emas sebagai satu transaksi yang halal. (Salmy Edawati Yaacob & Sanep Ahmad, 2009)

Abu Bakar Mohd Yusuf, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali & Norhayati Mat Husin (2002) turut mencadangkan kepada aplikasi dinar di peringkat antarabangsa bagi menggantikan penggunaan dollar Amerika. Sebagai contoh, jika sesebuah negara ingin menjalankan perdagangan dengan negara seperti Indonesia misalnya sudah tentu kedua-dua negara tidak yakin dengan matawang negara dagangannya. Maka penggunaan dinar adalah alternatif yang terbaik dan sekaligus mengurangkan ketergantungan kepada kuasa barat. Nilai emas yang stabil juga dapat meminimalkan kegiatan spekulasi matawang dunia. Kegiatan spekulasi merupakan satu aktiviti yang tidak dibenarkan di dalam Islam. Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981) menjelaskan walaupun aplikasi dinar membawa kepada banyak kebaikan. Namun, untuk peringkat dalam negara, dinar tidak begitu sesuai digunakan kerana ia akan menggalakkan masyarakat menyimpan dinar tersebut disebabkan nilainya yang lebih stabil dan ini akan menyebabkan kurangnya penawaran dinar dalam pasaran. (Rose 1994).

Secara umumnya, penggunaan dinar emas dan perak hanya dapat diaplikasikan untuk sesetengah transaksi sahaja. Dalam perdagangan antarabangsa contohnya, sistem ini masih tidak dapat dilakukan sepenuhnya dan perlaksanaannya hanya dapat direalisasikan jika negara-negara OIC dapat berkerjasama dengan jayanya. Perbezaan keadaan ekonomi antara negara, pergolakan politik dan kemudahan infrastruktur yang terhad adalah antara tiga faktor yang dikenalpasti sebagai punca penghalang ke arah kerjasama tersebut. (Noradli Ridzwan Shah Mohd Dali et al 2004). Buat masa ini hanya empat negara yang menunjukkan minat kepada penggunaan dinar emas iaitu Malaysia, Iran, Bahrain dan Sudan. Mata wang dwi- sistem akan digunakan sekiranya empat buah negara tadi mengadakan perdagangan dengan negara yang tidak menggunakan dinar emas. Keadaan masyarakat yang sudah sebatang dengan sistem yang sedia ada secara langsung menyebabkan sistem dinar dan emas sukar untuk diaplikasikan sepenuhnya. (Salmy Edawati Yaacob & Hailani Muji Tahir, 2009)

PERANAN PEMERINTAH DALAM TEORI IMAM AL-GHAZALI

Imam al-Ghazali amat menekankan tentang kepentingan peranan pemerintah dalam pembangunan ekonomi sesebuah Negara. Dalam masalah pembuatan dan pengendalian matawang, al-Ghazali menyatakan bahawa kerajaan mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakannya atau melantik badan tertentu untuk menguruskannya contohnya institusi perbankan. (Ahmad Dimiyati 2008). Beliau melarang seandainya kuasa mencetak dan mengendalikan matawang ini dilakukan oleh sesuatu pihak tanpa mendapat kebenaran daripada pemerintah. (Adiwarman Karim 2007) Berlandaskan kepada prinsip ekonomi Islam, campurtangan pemerintah dalam ekonomi wajiblah berlandaskan kepada akidah atau iman yang mendorong kepada tindakan yang produktif sekaligus menjadi kaedah utama yang dilaksanakan untuk membentuk masyarakat yang produktif. Menjadi kewajipan bagi kesemua lapisan masyarakat untuk mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pemerintah bagi memastikan terbentuknya kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Ini adalah bersesuaian dengan firman Allah swt yang bermaksud:

“Taatilah Allah, taatilah Rasul dan pemimpin (pemerintah) di antara kamu.”

(Surah an-Nisaa: 59)

Peranan pemerintah atau institusi rasmi yang menjadi kerajaan bertujuan menjalankan keadilan yang melibatkan keseluruhan masyarakat yang saling bergantung dan bertukar-tukar mengenai keperluan hidup. Untuk mengawal keadaan inflasi negara, kerajaan akan menggunakan dasar monetari yang mana dalam keadaan inflasi kadar faedah akan dinaikkan untuk mengurangkan wang dalam pasaran. Kerajaan juga turut campur tangan dalam menyediakan infrastruktur kearah untuk menjaga perkembangan ekonomi Negara dan menjalinkan hubungan baik sesama negara jiran. Teori Imam al-Ghazali juga turut menekankan tentang peranan pemerintah dalam mengawal kestabilan ekonomi negara dan ini adalah bersesuaian dengan aplikasi dasar yang diamalkan pada masa kini. Berdasarkan keseluruhan penjelasan yang diberikan, terbukti teori yang diperkenalkan oleh Imam Al-Ghazali dapat membantu dalam pertumbuhan ekonomi Negara. Walaupun teori tersebut telah diperkenalkan berabad

lamanya, namun aplikasinya pada masa kini terbukti dapat membantu dalam mentadbir ekonomi negara.

KESIMPULAN


Berdasarkan penulisan di atas menunjukkan bahawa terdapat beberapa hubungan teori kewangan Imam al-Ghazali dengan isu ekonomi yang berlaku pada hari. Pandangan pemikir ekonomi Islam seperti Imam al-Ghazali, Ibn Khaldun dan sebagainya turut perlu diteliti sebagai rujukan untuk menghadapi keadaan ekonomi semasa pada masa kini. Teori yang diperkenalkan oleh Imam Al-Ghazali secara keseluruhannya masih relevan untuk diaplikasikan dengan keadaan ekonomi kini. Walaupun mungkin terdapat teori yang perlu disesuaikan dengan keadaan semasa tetapi dasarnya masih menggunakan asas ekonomi Islam yang disarankan oleh Al-Quran dan Sunnah. Amalan riba yang dilarang keras oleh Imam al-Ghazali wajar dihapuskan di dalam sistem kewangan kerana ia bukan sahaja menzalimi peminjam malahan boleh menjejaskan pembangunan ekonomi negara. Amalan penimbunan harta turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut kajian yang telah dijalankan, penulis mencadangkan agar amalan riba yang sedia ada dihentikan aplikasinya dalam sistem kewangan. Prinsip musyarakah dan mudharabah dapat dijadikan sebagai satu alternatif yang baik untuk pemodal mendapatkan modal. Kadar bunga yang digunakan aplikasi riba boleh ditukarkan menjadi kadar peratus keuntungan yang diperoleh adalah berdasarkan hasil yang diperoleh dan ini tidak akan membebankan mana-mana pihak. Aplikasi penggunaan emas dan perak boleh digunakan dalam perdagangan antarabangsa. Nilai emas yang stabil dapat dijadikan sebagai alat tukaran untuk mendapatkan barangan diperingkat antarabangsa. Emas boleh dijadikan alternatif untuk menggantikan dolar yang digunakan pada masa kini. Dalam situasi ekonomi yang bebas melakukan sebarang transaksi, kerajaan masih perlu untuk campur tangan dalam sesetengah perkara bagi memastikan keadaan ekonomi sentiasa terkawal dan menepati norma-norma ekonomi Islam. Secara kesimpulannya, kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Teori yang diperkenalkan oleh Imam al-Ghazali mampu untuk dijadikan sebagai panduan untuk membangunkan ekonomi negara.


RUJUKAN

- Abu Hamid al-Ghazali. (1971). *al- Mustasfa min 'Ilmi al-Usul*. Kairo: Shirkah al –Tiba'ah Fanniyyah al- Muttahidah.
- Abu Bakar Mohd Yusuf, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali & Norhayati Mat Husin. (2002). Implementation Of The Gold Dinar: Is It The End Of Speculative Measures?, *Journal of Economic Cooperation*, 23(3), 71-84.
- AbulHasan M.Sadeq. (1992). Al-Ghazali On Economics Issues And Some Ethico-Juristic Matter Having Implication For Economic Behavior. In Aidit Ghazali (Ed.), *Readings in Islamic Economic Thought* (pp 88-110) Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- AbulHasan M.Sadeq. (1992). Introduction: Islamic Economic Thought. In Aidit Ghazali (Ed.), *Readings in Islamic Economic Thought* (pp 1-13) Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Adiwarman A. Karim. (2007). *Bank Islam: Analisis fiqih dan keuangan*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Ahmad Dimiyati. (2008). *Teori kewangan Islam: Metodeologis Terhadap Teori Kewangan al- Ghazali*. Yogyakarta: UII Press.
- Aidit Ghazali. (1991). *Islamic Thinkers on Economics, Administration and Transaction*. Vol.1. Kuala Lumpur: Quill Publishers.
- Al-Ghazali. t.th. *Ihya Ulum al Din*. Vol. 4. Beirut: Darul Nadwah.
- Banatul Hayati. (2006). *Analysis Of Money Demand And Price Stability In Indonesia Since 1989 to 2002*. Unpublished master's thesis, University of Diponegoro, Indonesia.
- Ben S. Bernanke. (2008). *The economic outlook: Committee on the Budget*. Retrieved April 13, 2011 from United States of America: House of Representatives: [http://www .federalreserve .gov/newsevents/testimon y/bernanke20080117a.htm](http://www.federalreserve.gov/newsevents/testimony/bernanke20080117a.htm)
- Boyd, J. H & Smith, B. D. (1998). Capital Market Imperfections in a Monetary Growth Model. *Economic Theory* 11: 241-273.
- Bruno, M. & Easterly, W. (1998). Inflation Crisis and Long-Run Growth. *Journal of Monetary Economics*, 41(1), 3-26.
- Byman & Alan. (2008). *Social Research Methods*. (3rd ed.). Oxford: Oxford University Press.

- Fisher Stanley. (1993). The Role of Macroeconomic Factors in Growth. *Journal of Monetary Economics*, 32 (12), 485-512.
- Girijasankar Mallik & Anis Chowdhury. (2001). Inflation And Economic Growth: Evidence From Four South Asian Countries. *Asia-Pacific Development Journal*, 8 (1), 123-135.
- Hamidi M Lutfi. (2007). *Gold Dinar: Sistem Monitor Global Yang Stabil dan Berkeadilan*. Jakarta: Senayan Abadi Publications.
- Haneef, Muhammad Aslam & Emad Rafiq Barakat. (2006). Must Money be Limited to Only Gold and Silver?. *Jurnal of King Abdul Aziz University. Islamic Economics*, 19(1), 21-34.
- Hanson J. L. (1970). *Monetary theory and practice*. (4th ed.). London: Macdonald and Evans LTD.
- Joni Tamkin. (1999). A Survey of the Development of Islamic Economics Thought. *Jurnal Usuluddin*, 10 (12), 63-80.
- Justin Lahart. (2007). Egg Cracks Differ In Housing, Finance Shells. *The wall Street Journal*. Retrieved from http://jpe.library.arizona.edu/volume_7/Weaver00.pdf
- Mahathir Mohamad. (2002, Mac 27) Merealisasikan Dinar Emas. Utusan Malaysia. Pp 1.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. (1981) *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*. Great Britain: Robert MacLehose and Co. Ltd.
- Michael D. Bordo, Robert T. Dittmar & William T. Gavin. (2003). Gold, Fiat Money, And Price Stability. *Proceeding of National Bureau Of Economic Research*, Cambridge, 10171, 1-40.
- Nuradli Ridzwan et al. (2004). *The mekanisme of gold dinar*. Kuala Lumpur: A.S Noorden.
- Peter S. Rose. (1994). *Money and Capital Markets-The Financial System in an Increasingly Global Economy*. USA: Richard D. Irwin Inc.
- Rafiq al-Misri. (1981). *Al-Islam wa'l Nuqud*. Jeddah: *International Centre for Research in Islamic Economics*.
- Robert J. Shiller. (2008). *The supreme solution: How today's global financial crisis happened and what to do about it*. United States of Amerika: Perseus Books LLC.
- S. M. Ghazanfar & Abdul Azim Islahi. (1997). Economic Thought Of Al-Ghazali (450-505 A.H./1058-1111 A.D.). In *Islamic Economics Research Series King Abdulaziz University-2*. Saudi Arabia: Scientific Publishing Centre King Abdulaziz University.
- S. M. Ghazanfar. (2000). The Economic Thought of Abu Hamid Al-Ghazali and St. Thomas Aquinas: Some Comparative Parallels and Links. *History of Political Economy*, 32(4), 858-885.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyeldikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. (2nd ed.). Edusystem Sdn Bhd: Batu Caves, Selangor.
- Salmy Edawati Yaacob & Hailani Muji Tahir. (2009). Realiti Semasa Penggunaan Dinar Emas Di Malaysia. *Muzakarah Penasihat Syariah Ke-5 pada 25-26 Mei*. Institut Latihan Islam Malaysia: Bangi.
- Salmy Edawati Yaacob & Sanep Ahmad. (2009). Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Dunia: Satu Tinjauan Umum di Indonesia, Malaysia, Afrika Selatan & United Kingdom. *Proceeding of Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar*. Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, 365-372.
- Sarizah Soed & M. Nazri Zakaria. (2005). *Asas-asas ekonomi*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Shamim Ahmed & Md. Golam Mortaza. (2005). Inflation and Economic Growth in Bangladesh: 1981-2005. *Working Paper Series of Policy Analysis Unit (PAU)*. Bangladesh, 0604, 1-19.
- Shouyong Shi. (1997). A Divisible Search Model Of Fiat Money. *Econometrica*, 65(1), 75-102.
- T Hellman & M Puri. (2000). The Interaction Between Product Market And Financing Strategy: The Role Of Venture Capital. *Oxford Journals Economics & Social Sciences*, 13(4), 959-984.
- Vikesh Gokal & Subrina Hanif. (2004). *Relationship Between Inflation And Economic Growth*. Fiji: Reserve Bank of Fiji.
- Zainal Abidin Ahmad. (1979). *Dasar-Dasar Ekonomi Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Zuhaimy Ismail. (2003). *Kembalinya Dinar Emas Dan Dirham Perak: Mata Wang Umat Islam*. UTM: Johor.



Rajah 1: Menunjukkan kesan kekurangan penawaran dalam pasaran.



Rajah 2: Perbandingan jumlah kos mengikut Imam al-Ghazali dan konvensional